



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA

2 OKTOBER 2019

KENYATAAN MEDIA

PENCALONAN SEMULA MALAYSIA BAGI MENDUDUKI KERUSI AHLI MAJLIS PERTUBUHAN PENERBANGAN AWAM ANTARABANGSA DI BAWAH KATEGORI III BAGI PENGGAL 2019 HINGGA 2022 SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG ICAO SESI KE-40

1. YB Menteri Pengangkutan telah mengetuai delegasi Malaysia bersama pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pengangkutan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Ottawa, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Malaysia Airports Holdings Berhad, Malaysia Airlines Berhad, AirAsia, Pos Aviation Malaysia, Malindo Air, Ground Team Red dan Malaysia Airlines Pilots' Association (MAPA) bagi menghadiri Perhimpunan Agung ICAO Ke-40 di Ibu Pejabat ICAO di Montreal, Kanada dari 24 September hingga 4 Oktober 2019.
2. Semasa menghadiri Perhimpunan Agung tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah melaksanakan pelbagai usaha melobi bagi maksud untuk Malaysia mengekalkan kerusi Ahli Majlis (*Council Member*) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (*International Civil Aviation Organization-ICAO*) di bawah Kategori III untuk penggal 2019 hingga 2022. Dalam hubungan ini, YB Menteri Pengangkutan telah menyampaikan ucapan tama (*statement by states*) semasa sesi utama pada 28 September 2019 di samping mengadakan 5 pertemuan dua hala dengan kumpulan serantau iaitu *Latin American Civil Aviation Commission (LACAC)*, *African Civil Aviation Commission (AFCAC)*, *Arab Civil Aviation Organization (ACAO)*, *European Civil Aviation Conference (ECAC)* dan *Caribbean Aviation Safety and Security Oversight System (CASSOS)*.
3. Selain itu, YB Menteri Pengangkutan juga telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya daripada 27 buah negara pejanji ICAO bagi meraih sokongan terhadap pencalonan Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO. YB Menteri Pengangkutan juga telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden dan Setiausaha Agung ICAO bagi menzahirkan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap ICAO. Pada masa yang sama, Malaysia juga telah menganjurkan Majlis Resepsi Malaysia pada 28 September 2019 sempena Perhimpunan Agung tersebut.

4. Semasa undian yang telah diadakan pada 1 Oktober 2019, Malaysia telah berjaya mempertahankan kerusi Ahli Majlis ICAO di bawah Kategori III untuk penggal 2019 hingga 2022. Kategori III adalah negara-negara yang dipilih untuk memastikan keseluruhan kedudukan geografi dunia mempunyai wakil dalam Majlis ICAO. Malaysia telah berjaya mengekalkan keahlian dalam Majlis ini selama 5 penggal berturut-turut bermula tahun 2007 sehingga tahun 2022. Selain Malaysia, Korea Selatan turut terpilih daripada rantau Asia Pasifik.

5. Hasil pengundian, Malaysia telah memperbaiki kedudukannya dalam Kategori III iaitu dari tangga ke-13 ke tangga ke-11 dengan pertambahan sebanyak 14 undi berbanding jumlah yang diperolehi pada perhimpunan sebelum ini (2016). Secara keseluruhannya, Malaysia mendapat sokongan sebanyak 143 undi (81%) daripada jumlah negara yang mengundi. Jumlah undi ini adalah merupakan undian tertinggi yang diperolehi Malaysia dan merupakan pencapaian terbaik semenjak Malaysia menganggotai Ahli Majlis ICAO. Untuk rekod, pencapaian Malaysia sebelum ini adalah 92 undi (2007), 137 undi (2010), 128 undi (2013) dan 129 undi (2016).

6. Selain Malaysia, negara-negara lain yang turut menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO bagi kategori yang sama adalah Costa Rica, Cote d'Ivoire, Dominican Republic, Equatorial Guinea, Greece, Paraguay, Peru, Republik Korea, Sudan, Tunisia, Emiriah Arab Bersatu dan Zambia.

7. Kejayaan ini adalah hasil sokongan, kerja keras dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh Wakil Tetap Malaysia ke ICAO dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Ottawa, para pegawai Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar Negeri, Pejabat Perdana Menteri, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Kementerian Pengangkutan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan Malaysia mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2019-2022.

8. Sejalan dengan kejayaan ini, Malaysia komited untuk terus memberikan komitmen berterusan kepada ICAO untuk mempertahankan dan menegakkan aspek-aspek keselamatan penerbangan awam, inovasi dan kemapanan penerbangan global menerusi pembangunan infrastruktur strategik bersama-sama dengan pembinaan keupayaan institusi untuk memenuhi keperluan generasi profesional penerbangan akan datang.

9. Pada masa yang sama, Malaysia akan terus memastikan kepentingan sektor penerbangan awam negara sentiasa diambil kira dalam proses penetapan keputusan dan penentuan piawaian penerbangan awam antarabangsa dengan terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan mengenai perkara-perkara tersebut.

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
2 Oktober 2019**